

## BIODATA PEMBENTANG

- **Dr. Mabid Ali Mohamed Mahmoud Al-Jarhi** dilahirkan pada 5 haribulan Ogos 1938 di Al-Fayoum, Mesir.

Beliau mendapat pendidikan awal pada tahun 1960 dalam bidang Ekonomi di Universiti Kaherah, Mesir. Pada tahun 1964, beliau memperolehi Ijazah Sarjana Ekonomi di *University of Illinois*, Amerika Syarikat. Seterusnya, beliau berjaya menamatkan pengajian di *University of Southern California*, Amerika Syarikat dengan memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Ekonomi dalam tahun 1975.

Y.Bhg. Dr. Ma'bid Ali Al-Jarhi mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pendidikan, bermula di Institut Perancang Kebangsaan, Kaherah pada tahun 1962; sehinggalah memegang jawatan sebagai Ahli Fakulti Kanan dan Pengarah di *Islamic Research and Training Institute (IRTI)* yang merupakan ahli kepada Kumpulan *Islamic Development Bank (IDB)* yang berpusat di Jeddah, Arab Saudi dari tahun 1996 hingga ke 2003.


Bermula pada bulan September 2003 hingga sekarang, Y.Bhg. Dr. Ma'bid Ali Al-Jarhi memegang jawatan Presiden di *International Association of Islamic Economics (IAIE)* yang berpangkalan di London, United Kingdom.


- **Nik Mustapha bin Hj. Nik Hassan** dilahirkan pada 6 April 1953 di Kelantan.

Beliau memperolehi ijazah B.B.A dan M. Econs dari *University of Ohio*, Amerika Syarikat. Pada tahun 1979, beliau memulai kerjaya sebagai pensyarah di Falkulti Ekonomi dan Perniagaantani, Universiti Pertanian Malaysia (UPM). Pada Jun 1983, beliau telah dipinjamkan ke Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau pernah dilantik sebagai Dekan Fakulti tersebut pada Ogos 1987-Julai 1989. Pada Mei 1988 beliau dilantik sebagai Professor Madya di Fakulti tersebut.

Pada Ogos 1989, beliau ke luar negara untuk menyandang jawatan sebagai Fellow Pelawat di *Oxford Centre for Islamic Studies (OCIS)*, *Oxford University*, United Kingdom untuk sepuluh bulan. Pada Ogos 1992 beliau dilantik sebagai Dekan, Fakulti Siswazah Lanjutan, UIAM.

Pada April 1993, beliau mulai bertugas di Insititut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) sebagai Fellow Kanan. Pada November 1997 beliau dilantik sebagai Penolong Ketua Pengarah serta Pengarah Pusat Ekonomi, Kajian Sosial dan Teknologi IKIM. Pada 1 April 2002, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah, IKIM.





Hingga sekarang beliau telah menghasilkan 5 buah buku, menyunting 17 buah buku dan menerbitkan lebih daripada 200 artikel ilmiah dalam jurnal, buku, majalah dan akhbar. Di antara buku yang dihasilkan ialah *Islamic Management for Excellence - Revitalising People for the Future* dan *Vale-Based Total Performance Excellence Model*. Beliau juga turut menjadi Ketua Editor Jurnal IKIM sejak penerbitannya mulai 1992 hingga sekarang. Penulisan beliau kebanyakannya berkisar dalam bidang pemikiran ekonomi, sistem ekonomi, masa hadapan ekonomi dan pengurusan.

- **Dato' Dr. Hj. Abdul Munit bin Kasmin** dilahirkan pada 2 Mei 1953 di Kuala Selangor.



Beliau memperoleh ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya (UM) pada tahun 1976. Pada tahun 1984, beliau memperoleh ijazah Sarjana Perancang Bandar dari *University of Wales*, United Kingdom. Seterusnya, beliau berjaya memperoleh ijazah Doktor Falsafah Perancang Bandar dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada tahun 1995.


Dato' Dr. Hj. Abdul Munit memiliki pengalaman yang cukup luas dalam bidang pentadbiran. Bermula dengan perantaraan sebagai Pegawai Tadbir PTD di Pejabat Penasihat Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri pada 9 Oktober 1976 sehinggalah beliau dilantik ke jawatan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Selangor merangkap Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor mulai 16 Jun 2002 sehingga kini.

Beliau juga merupakan ahli profesional *Royal Town Planning Institute* (RTPI). Sebagai menghargai jasa beliau dalam perkhidmatan, beliau telah dua kali dianugerahkan Sijil Perkhidmatan Cemerlang iaitu pada tahun 1993 dan 1997.

- **Ir. Roslan bin Ahmad** dilahirkan pada 21 Mac 1957 di Melaka.

Beliau memperoleh ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dalam bidang Kejuruteraan Awam dan Struktur dari *University of Sheffield*, United Kingdom pada tahun 1980. Kemudian beliau berjaya memperoleh ijazah Sarjana Sains dalam bidang Pengurusan Projek dan Teknologi Konkrit di *University of Toronto*, Kanada pada tahun 1991.





Beliau mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam bidang kejuruteraan. Kerjaya beliau bermula sebagai Jurutera Projek bagi Bandar Baru Bangi di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) pada tahun 1980-1985. Pada tahun 1985-1993, beliau menyandang jawatan Jurutera Kanan di Jabatan Kejuruteraan, Ibu Pejabat PKNS di Petaling Jaya sebelum dilantik sebagai Ketua Jurutera di PKNS, Shah Alam pada tahun 1993-1994.

Kerjaya beliau di Central Spectrum (M) Sdn. Bhd. bermula sebagai Pengurus Projek Kanan pada 1994-1999. Mulai 1 Jun 1999, beliau menyandang jawatan Pengurus Besar sehingga kini.



Belia merupakan ahli *Institute of Engineers*, Malaysia dan juga seorang jurutera professional yang berdaftar di *Board of Engineers*, Malaysia.

- **Prof. Emeritus Dr. Abdul Latif bin Ibrahim** memperoleh Ijazah Kedoktoran Perubatan Veterinar dan Ijazah Doktor Falsafah Mikrobiologi, pengkhususan dalam virologi molekul.

Beliau kini bertugas sebagai Profesor Kanan di Universiti Industri Selangor (UNISEL) dan Penasihat Bioteknologi kepada Kerajaan Negeri Selangor. Beliau pernah menjadi Profesor dan Dekan Fakulti Perubatan Veterinar di Universiti Putra Malaysia (UPM), juga Pengarah Urusan Direktorat Bioteknologi Kebangsaan (BIOTEK), Kementerian Sains, Teknolgi dan Alam Sekitar (MOSTE). Beliau juga merupakan Profesor Pelawat di MIT dari tahun 2000 hingga 2002.

Prof. Emeritus Abdul Latif dikenali melalui kerja-kerja pembangunan Vaksin Penyakit *Newcastle* yang telah diiktiraf ramai termasuk di Asia Tenggara, Australia dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian. Beliau juga telah menjalankan kajian yang luas mengenai *avian influenza* sewaktu di UPM. Atas usahanya berkaitan vaksin *avian*, beliau telah dianugerahkan dengan Anugerah Sains Kebangsaan oleh Kerajaan Malaysia dan Anugerah *Sven Brohult* oleh Yayasan Sains Kebangsaan Sweden.

Beliau juga merupakan Fellow di Akademi Sains Malaysia dan Akademi Sains Islam OIC. Sewaktu bertugas di MOSTE, beliau telah dipertanggungjawabkan untuk merancang pembangunan *BioValley Malaysia* dan telah juga membangunkan program usahasama dengan MIT dalam penemuan produk semulajadi.





- **Dr. Zainalabidin bin Mohamed** memulakan pengajian di Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1974 dan memperoleh Diploma Kesihatan Haiwan dan Pengeluaran pada tahun 1978. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke *University of Wyoming*, Amerika Syarikat pada peringkat Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Haiwan) dan Ijazah Sarjana Sains (Ekonomi Pertanian). Seterusnya beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Ekonomi Pertanian) dari *Oklahoma State University*, Amerika Syarikat.


Pada tahun 1982, beliau mula bertugas sebagai tutor di Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan telah dilantik ke jawatan pensyarah di universiti yang sama pada tahun 1986 dalam bidang ekonomi pertanian - pemasaran perniagaantani dan pertanian, pengurusan perniagaantani dan analisis harga komoditi pertanian. Beliau pernah dipinjamkan ke Lembaga Akreditasi Negara (LAN) semasa penubuhannya sebagai Pengurus Kanan Akreditasi pada tahun 1977-2002. Beliau juga merupakan ketua laborator Pemajuan Desa di Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan (PEKKA), UPM pada tahun 2002-2003. Bermula tahun 2004, beliau ditugaskan sebagai Ketua Jabatan Perniagaantani dan Sistem Maklumat, Fakulti Pertanian, UPM.


Dr. Zainalabidin banyak menyumbang kepada penerbitan kertas kerja ilmiah yang dimuatkan dalam jurnal dan prosiding, selain pembentangan kertas kerja di dalam dan luar negara. Beliau juga sangat aktif dalam penyelidikan IRPA dan konsultansi. Projek IRPA terkini yang sedang dilaksanakan oleh beliau sebagai ketua penyelidik ialah Kesan kredit mikro ke atas tahap hidup petani berasaskan aktiviti pertanian dan Impak program pembasmian kemiskinan (SPKR) di kalangan penerima - fokus kepada masyarakat tani.

- **Dato' Sofian bin Mohd. Salleh** dilahirkan pada 15 Januari 1952 di Kemaman, Terengganu.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pertanian (Hons.Agric.Econs.) di Australia. Seterusnya beliau menyambung pengajian di peringkat Sarjana Kewartawanan Pertanian di *University of Wisconsin*, Madison, Amerika Syarikat.

Beliau mempunyai pengalaman yang cukup luas dalam bidang pertanian dan terlibat secara aktif dalam hal-hal antarabangsa. Antaranya beliau pernah terlibat sebagai urusetia dan ahli dalam mesyuarat-mesyuarat Kerjasama Dua-Hala Malaysia-Thailand dalam Pertanian (*Subcommittee on Food, Field and Horticultural Crops*) dari tahun 1981-1991.









Beliau juga pernah terlibat sebagai ahli mesyuarat Jawatankuasa Induk dan Kumpulan Kerja Teknikal *Tagging* Sayuran dalam Kerjasama Dua-Hala Malaysia-Singapura mengenai Kuarantin Tumbuhan dan Hal-hal Pertanian dari tahun 1991-1993, selain terlibat dalam pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti di peringkat ASEAN serta seminar dan misi ke luar negara.

Memulakan kerjaya sebagai Pegawai Pertanian di Wilayah Pahang Barat pada 4 Januari 1975. Pada 1 Februari 2004, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Pertanian II sehingga kini.

- **Ir. Dr. Shamsudin bin Ab. Latif** memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian (Kejuruteraan Kimia) dari *University Leeds*, United Kingdom pada tahun 1978. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian dan memperoleh Sarjana Kejuruteraan (Kejuruteraan Persekitaran) di Institut Teknologi Asia di Bangkok, Thailand pada tahun 1988. Seterusnya beliau berjaya memperoleh Ijazah Kedoktoran Sains (Sains Kesihatan Alam Sekitar) dari *Tulane University*, New Orleans, Amerika Syarikat pada tahun 2003.

Sepanjang tahun 1978 hingga 1994, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Pengarah Jabatan Alam Sekitar di beberapa buah negeri iaitu di Terengganu, Sarawak dan Pulau Pinang. Kini beliau merupakan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) di Jabatan Alam Sekitar, Malaysia.

Beliau turut melibatkan diri sebagai ahli badan-badan professional seperti *American Institute of Chemical Engineers*, *Air and Waste Management Association*, USA.; *Institute of Engineers Malaysia (I.E.M)*. Beliau juga merupakan jurutera professional yang berdaftar dengan *Board of Engineers Malaysia (B.E.M)*.





- **Siti Fatimah binti Abdul Rahman** dilahirkan pada 3 November 1969.

Beliau memperoleh ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang Antropologi dan Sosiologi di Universiti Malaya (UM) pada tahun 1992. Seterusnya, beliau telah melanjutkan pengajian dan memperoleh ijazah Sarjana Sains dalam bidang Sosiologi di *London School of Economics (LSE)*, United Kingdom.

Beliau memulakan perkhidmatan di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada Oktober 1992 sebagai Pegawai Penyelidik sebelum menyandang jawatan Fellow pada Jun 1998. Pada Jun 2002, beliau dilantik sebagai Fellow Kanan di Pusat Ekonomi dan Kajian Sosial, IKIM sehingga ke hari ini.

Beliau telah menghasilkan banyak penulisan dalam akhbar dan majalah, selain diundang sebagai penceramah dan pembentang kerja dalam program-program yang dianjurkan oleh IKIM sendiri ataupun di luar. Selain itu, beliau juga merupakan penyumbang utama bagi rancangan Wanita Hari Ini yang ke udara melalui stesen radio IKIM.fm dan telah menyunting sebanyak sepuluh buah buku terbitan IKIM.

Antara penyelidikan yang pernah dijalankan ialah berkaitan poligami di Malaysia, nilai-nilai keluarga Islam, masa berkualiti dalam keluarga, ketua wanita dan pekerjaanya, serta penerimaan masyarakat terhadap bioteknologi; sesuai dengan tumpuan beliau dalam bidang kekeluargaan dan wanita. Beliau telah dua kali dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang IKIM iaitu pada tahun 1993 dan 1996.

